

20/02/2003

NAM perlu buktikan iltizam perangi keganasan global

Kadir Dikoh

"MUJUR Iraq tidak diserang sekarang," kata seorang pegawai Wisma Putra yang membayangkan mungkin ramai ketua kerajaan atau negara tidak dapat datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-

Negara Berkecuali (NAM) kali ini.

Ketika Amerika Syarikat dan Britain masih mencari helah untuk melancarkan serangan ke atas Iraq, Kuala Lumpur kini menjadi perhatian dunia bukan saja kerana menjadi tuan rumah, sebaliknya ukuran kepada kemampuan sidang NAM yang dipengeruskannya kali ini.

Apakah suara 116 negara, termasuk anggota baru seperti Timor Leste yang akan diterima secara rasmi pada hari terakhir sidang itu nanti, mampu merobek tembok Amerika dan Britain, dua kuasa besar yang beriya-iyah mahu menyerang Iraq?

Apakah suara negara anggota NAM, dengan 40 daripadanya juga anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan lebih dua pertiga pula menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), didengar oleh masyarakat antarabangsa serta PBB sendiri? Sejauh mana pengaruhnya untuk membendung keganasan dan penganas antarabangsa memberi impak?

Hasil pertemuan itu nanti bakal digambarkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan pada hari terakhir sidang NAM, Selasa ini. Kenyataan

khas mengenai Palestin dan Iraq juga akan dikeluarkan.

Kenyataan sebulat suara NAM yang kuat, terutama mengenai Iraq, diharapkan akan membuat Amerika berfikir dua kali untuk menyerang Baghdad bagi kali kedua dalam tempoh 12 tahun, atas alasan berbeza.

Kebetulan sidang kali ini diadakan ketika krisis Iraq semakin memuncak manakala isu Palestin yang tidak pernah padam, terus mengecewakan umat Islam selain masyarakat dunia dibelenggu masalah keganasan dan penganas.

Krisis Israel-Palestin, jika tidak dibangkitkan di pentas dunia, bagaikan dilupa begitu saja sedangkan Israel terus tidak mematuhi segala resolusi PBB.

Kenyataan mengenai Palestin akan dibincang oleh jawatankuasa 10 anggota termasuk Malaysia.

Mesyuarat peringkat pegawai (SOM) selama dua hari bermula hari ini bagi merangka dokumen akhir mengenai isu politik, sosial dan ekonomi. Pada hari ketiga pula, mesyuarat peringkat menteri yang akan memberi fokus kepada masa depan NAM selain terus berbincang mengenai kandungan Deklarasi Kuala Lumpur.

Isnin lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah membayangkan Deklarasi

Kuala Lumpur itu nanti akan menyatakan pendirian tegas antiperang.

Perdana Menteri sendiri memang dikenali pada peringkat antarabangsa sebagai antara pemimpin yang lantang menyuarakan tentangan terhadap perang dan keganasan.

Tetapi pegawai diplomatik berkata, Kuala Lumpur sebagai tuan rumah mungkin berhadapan masalah penggunaan perkataan yang paling sesuai untuk dimasukkan dalam deklarasi itu nanti dalam kempen antiperang yang akan menggambarkan pendirian rasmi semua anggota NAM.

Ini kerana sebahagian negara anggota termasuk negara Teluk di kalangan negara OIC, berkawan baik dengan Amerika dan dengan itu, mereka berasakan

bahawa sebarang kenyataan yang menuntut persetujuan mereka perlu dibuat dengan lebih berhati-hati konon supaya tidak menyinggung `bos besar'.

Contoh terbaik ialah kegagalan sidang Liga Arab yang dianggotai 22 negara untuk mengadakan mesyuarat tergempar di Kaherah kerana ada anggota

berbelah-bahagi mengenai krisis Iraq.

Stesen televisyen Al-Jazeera dalam laporannya malam kelmarin antara lain mendedahkan bahawa kegagalan itu berlaku kerana perpecahan berikutan persoalan berhubung siapa yang harus ditekan bagi mengatasi krisis Iraq

-  
Baghdad atau Washington.

Begitu juga keputusan Qatar sebagai Pengerusi OIC yang menolak cadangan Malaysia dan Iran untuk mengadakan sidang tergempar krisis Iraq sempena NAM ke-13 di Kuala Lumpur yang dilihat sebagai mahu menjaga kepentingan strategik mereka. Akhirnya Qatar bersetuju untuk terus mengadakan mesyuarat tidak rasmi.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata negara terbabit bimbang jika keputusan dibuat pada sidang khas itu atau berlakunya peperangan di Iraq boleh mengancam kedudukan mereka.

Kebimbangan itu turut dirasai beberapa negara lain dalam OIC, terutama di rantau Teluk seperti Kuwait, Arab Saudi, Mesir, Turki serta beberapa negara Arab lain yang ada kepentingan dengan Amerika.

"Cadangan Malaysia bagi membincangkan isu Iraq lebih bersifat kemanusiaan bagi membantu negara terbabit yang kemungkinan menghadapi serangan Amerika, sebaliknya bagi Qatar ia lebih bersifat kepentingan strategik. Selain bimbang kesan terhadap negara masing-masing dengan keputusan yang bakal dibuat pada sidang tergempar itu, ia juga memberi kesan dalaman politik negara mereka jika Iraq diserang Amerika," kata Abdul Razak.

Sidang kemuncak NAM yang menemukan pemimpin dan wakil kanan kerajaan 114 negara anggota, adalah badan tertinggi yang membuat keputusan berhubung kepentingan semua negara anggota.

Sebelum ini, belum pernah Sidang Puncak NAM menyaksikan kehadiran semua ketua kerajaan negara anggota. Kebanyakan negara di benua Afrika dan Amerika Selatan mengambil sikap sambil lewa, mungkin kerana beranggapan pandangan mereka tidak dihiraukan oleh negara anggota NAM yang lebih

besar. NAM dianggotai hampir semua negara Selatan.

Sebagai tuan rumah, Kuala Lumpur mahu mengikis imej NAM sebagai talk show semata-mata dan ia dijangka mendesak supaya sesuatu dilakukan seperti

penubuhan sekretariat tetap untuk mengawasi segala aktiviti, terutama tindakan susulan kepada Deklarasi Kuala Lumpur.

Tetapi dengan pengesahan kedatangan lebih 60 pemimpin negara anggota, sidang kali ini menyaksikan paling ramai kehadiran. Sidang NAM ke-12 di Durban, Afrika Selatan lima tahun lalu yang dihadiri cuma 30 pemimpin, berlangsung dalam suasana dunia yang diselubungi pelbagai krisis dan pergolakan, terutama di Afrika seperti di Angola, Zimbabwe, Rwanda dan Uganda.

Mungkin seperti biasa, kenyataan demi kenyataan dikeluarkan selepas sidang berakhir, tetapi tanpa kesungguhan dan keberanian, pergerakan itu dalam banyak keadaan tidak dapat berfungsi sebagai pergerakan yang benar-

benar berkecuali dan bebas daripada belenggu kuasa besar.

Dengan jumlah ahli sebanyak itu, ia sepatutnya memiliki suara dan kekuatan dalam sebarang agenda politik dan ekonomi, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Kegagalan NAM muncul sebagai pergerakan yang berkesan mewakili kepentingan negara membangun atau dunia ketiga, tidak boleh dipersalahkan

kepada sesiapa melainkan anggota NAM sendiri.

Sejak ditubuhkan secara rasmi dalam Sidang Puncak Belgrade di Yugoslavia

pada 1961 ekoran Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada 1955, pelbagai keputusan dan pendirian dibuat dalam setiap sidang puncak tiga tahun sekali, tetapi hanya sebilangan kecil yang menjadi kenyataan, menyebabkan pertemuan NAM sering dianggap sebagai talk show.

Oleh kerana NAM wujud secara kolektif, tidak hairan apabila anggotanya sukar memberi komitmen sepenuhnya kepada apa yang dibawa dan dibincang dalam mesyuarat atau persidangan kerana menyedari kesukaran untuk menterjemahkannya apabila dibawa ke luar bilik persidangan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata NAM mesti menyesuaikan diri dengan perubahan dan realiti jika mahu kekal relevan kepada keperluan anggotanya.

Selain isu keganasan, sidang NAM kali ini juga akan terus membincangkan

isu ekonomi dan globalisasi kerana ekonomi dunia terus dipelopori pertumbuhan pesat dalam aliran perdagangan, kewangan, maklumat dan teknologi. Malangnya, globalisasi tidak berlaku secara saksama.

Sebilangan besar anggota NAM terus terpinggir dan tidak dapat berkongsi

manfaat globalisasi dan sebaliknya menghadapi pelbagai cabaran proses globalisasi yang seterusnya meluaskan lagi jurang teknologi, kewangan dan

maklumat antara negara maju dan membangun.

"Perkembangan terbaru dalam ekonomi dunia menunjukkan perlunya negara membangun berwaspada kerana ekonominya yang mudah terjejas disebabkan kuasa-kuasa globalisasi," kata Syed Hamid.

Kesan krisis kewangan yang melanda Asia Tenggara dirasai di seluruh dunia dan di Asia Tenggara sendiri, krisis itu membawa impak politik dan sosial yang besar.

Sidang kemuncak NAM kali ini bertemakan "Meneruskan Penyuburan Semula Pergerakan NAM". Sidang NAM sebelum ini sebenarnya banyak mencapai kejayaan khususnya dalam menamatkan penjajahan dan dasar aparteid tetapi kini ia perlu membuktikan sekali lagi azamnya dalam memerangi keganasan global.

Sebelum ini secara tradisi, sidang kemuncak pergerakan itu menyentuh isu seperti kedaulatan, kemerdekaan, kestabilan dan pembangunan ekonomi bagi negara anggota, selain masalah sosial.

Tetapi agenda Sidang Kemuncak NAM Kuala Lumpur sudah pasti mempunyai keutamaan baru, selain daripada agenda tradisi itu. Dalam sidang kemuncak terakhir lima tahun lalu di Durban, ketua negara dan kerajaan NAM dalam Deklarasi Durban Bagi Alaf Baru, berkata terdapat tanda jelas, khususnya di dunia maju, kewujudan semangat perkauman yang semakin ketara, chauvinisme dan xenofobia.

Dalam usaha mewujudkan imej baru, NAM memerlukan perubahan disebabkan anjakan paradigma dan perubahan pola dunia yang tidak mempunyai keseimbangan kuasa. Dalam konteks ini, NAM perlu relevan kepada amalan globalisasi dunia semasa selain merencanakan lagi fungsinya menjadi proaktif bagi menentang ketidakadilan yang berlaku dan bukan sekadar menjadi pergerakan alternatif kepada PBB.

Sebaliknya, ia harus menjadi suara yang cukup lantang supaya didengari dunia antarabangsa, bukan suara Malaysia saja tetapi suara satu kumpulan yang bersatu padu.

Walau apa pun hasil sidang NAM kali ini, yang pasti Malaysia mengaut keuntungan dari segi pelancongan dan publisiti yang meluas di samping menjadikan negara ini sebagai 'show case' untuk negara anggota NAM betapa penduduk pelbagai kaum boleh hidup aman dengan kedudukan ekonomi serta politik yang stabil.

Ini boleh dipelajari sebahagian besar anggota NAM, terutama yang terus menghadapi konflik bukan saja antara kaum, malah sesama suku sekalipun selain perbalahan sesama warna kulit.

Perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Bukit Jalil pada malam Ahad ini juga akan memberi imej terbaik kepada dunia bahawa rakyat Malaysia cintakan keamanan.